

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[SEPANGGAR]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar yang lebih jelas berkenaan hala tuju pembangunan keseluruhan di Sabah dan Sarawak yang sekian lama terpinggir dari arus pembangunan berbanding Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat semua maklum, Kerajaan sentiasa beriltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi Sabah dan Sarawak. Dalam melaksanakan strategi inklusif wilayah serta pembangunan seimbang dan saksama tersebut, aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (*Key Economic Growth Activities – KEGA*) telah dikenal pasti di Sabah dan Sarawak bagi memberi fokus kepada aktiviti ekonomi berdasarkan kekuatan dan keunikan kedua-dua negeri tersebut. Antara

contoh fokus aktiviti ekonomi berdasarkan negeri yang dikenal pasti dalam WKB adalah ekopelancongan di Sabah dan tenaga boleh diperbaharui di Sarawak.

3. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuk Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak telah pun diperuntukkan sejumlah RM40.62 bilion dalam tempoh RMKe-11 bagi melaksanakan projek baharu dan projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

4. Di samping itu, RMKe-12 yang berteraskan kepada WKB 2030 juga memberi fokus kepada tiga objektifnya iaitu:

- Pembangunan untuk semua;
- Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan; dan
- Mewujudkan Negara yang Bersatu, Makmur dan Bermaruah.

5. Bagi mencerminkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak negeri Sabah dan Sarawak seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) akan memberi tumpuan utama ke atas mencapai penyelesaian berhubung hal-hal perundangan, khususnya MA63, keselamatan/pendatang asing, petroleum/gas, pembangunan ekonomi seimbang dan keperluan infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak.

6. Secara amnya, usaha gigih yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi Sabah dan Sarawak diharap akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat.

Sekian, terima kasih.